

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

**AAW331 - Perakaunan Kewangan Lanjutan 3**  
**ACE381 - Perakaunan Antarabangsa**

Masa : 3 jam

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (30 markah)

Malaya Berhad mempunyai sebuah subsidiari yang dimiliki penuh di Singapura iaitu Suntech Limited dan sebuah subsidiari tempatan yang dimiliki penuh iaitu Utara Berhad. Kedua-dua subsidiari tersebut telah dibeli mengikut nilai muka saham mereka pada 1 hb. Januari 2001 yang juga merupakan tarikh mereka ditubuhkan. Berikut adalah kunci kira-kira dan akaun untung rugi ketiga-tiga syarikat untuk tahun yang berakhir 31 Disember 2001:

**KUNCI KIRA-KIRA**

	Malaya Berhad	Suntech Limited	Utara Berhad
	RM	SGD	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartabenda, jentera dan peralatan	420,000	50,000	100,000
Pelaburan dalam subsidiari	330,000	0	0
	750,000	50,000	100,000
<b>ASET SEMASA</b>			
Wang tunai dan baki di bank	135,000	125,000	115,000
Penghutang	117,000	75,000	165,000
Terhutang oleh subsidiari	120,000	0	0
	372,000	200,000	280,000
<b>JUMLAH ASET</b>	1,122,000	250,000	380,000
<b>DANA PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal saham	500,000	100,000	100,000
Rizab	400,000	60,000	80,000
<b>JUMLAH EKUITI</b>	900,000	160,000	180,000
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Pinjaman bank	0	20,000	20,000
	0	20,000	20,000
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang	120,000	30,000	40,000
Terhutang kepada syarikat induk	0	0	120,000
Peruntukan cukai	102,000	40,000	20,000
	222,000	70,000	180,000
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	222,000	90,000	200,000
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	1,122,000	250,000	380,000

**AKAUN UNTUNG RUGI**

	Malaya Berhad	Suntech Limited	Utara Berhad
	RM	SGD	RM
Perolehan	5,510,000	400,000	200,000
Keuntungan sebelum cukai	1,102,000	100,000	100,000
Cukai	102,000	40,000	20,000
Keuntungan selepas cukai	1,000,000	60,000	80,000
Keuntungan terkumpul dibawa ke hadapan	200,000	0	0
Keuntungan yang boleh diagihkan	1,200,000	60,000	80,000
Dividen	800,000	0	0
Keuntungan terkumpul dihantar ke hadapan	400,000	60,000	80,000

[AAW331/ACE381]

Berikut adalah kadar pertukaran wang asing untuk SGD.

	SGD
1 January 2001 (ketika pelaburan dan kadar dibuka tahun 2001)	2.3000
31 Mac 2001 (pembelian aset tetap)	2.2500
Purata tahun 2001	
2.2000	
31 Disember 2001 (kadar ditutup tahun 2001)	
2.1500	

Nota tambahan:

- (a) Pada 1 Jun 2000, Malaya Berhad telah meminjamkan RM120,000 kepada Utara Bhd.
- (b) Suntech Limited mampu beroperasi secara tersendiri.

**Dikehendaki:**

Dengan merujuk kepada cara pembentangan akaun yang paling berkesan dan kehendak MASB 6 dan MASB 21:

- (i) Sediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk kumpulan Malaya Berhad.  
[ 15 markah ]
- (ii) Sediakan Akaun Untung Rugi Disatukan untuk kumpulan Malaya Berhad.  
[ 10 markah ]
- (iii) Bincangkan perbezaan di antara operasi asing (“foreign operations”) dan entiti asing (“foreign entities”).  
[ 5 markah ]

Soalan 2 (25 markah)

Gajah Muda Berhad telah mengalami kerugian untuk beberapa tahun berturutan. Berikut adalah maklumat mengenai syarikat tersebut yang mempunyai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001:

**KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2001**

	Nilai buku RM	Nilai realis atau pasaran RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>		
Muhibbah	200,000	Tiada
Hartanah milik bebas	300,000	400,000
Jentera dan peralatan	<u>200,000</u>	<u>100,000</u>
	<u>700,000</u>	<u>500,000</u>
<b>ASET SEMASA</b>		
Stok	100,000	50,000
Penghutang perniagaan	<u>250,000</u>	<u>200,000</u>
	<u>350,000</u>	<u>250,000</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pemiutang dagangan	250,000	250,000
Pemiutang keutamaan (faedah 10% setahun)	200,000	200,000
Overdraf bank (faedah 12% setahun)	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>
	<u>550,000</u>	<u>550,000</u>
	<hr/> 500,000	<hr/> 200,000
<b>DANA PEMEGANG SAHAM</b>		
Modal saham (RM1 setiap satu)	1,000,000	
Rizab	<u>(500,000)</u>	
	<u>500,000</u>	

Jika skim pembentukan semula syarikat disempurnakan, berikut ialah Akaun Untung Rugi diramalkan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember.

	2002 RM	2003 RM	2004 RM
Perolehan	200,000	300,000	400,000
	=====	=====	=====
Keuntungan sebelum cukai	10,000	30,000	90,000
Cukai (28%)	<u>2,800</u>	<u>8,400</u>	<u>25,200</u>
Keuntungan selepas cukai	<u>7,200</u>	<u>21,600</u>	<u>64,800</u>

Maklumat tersebut disediakan untuk menyokong skim pembentukan semula syarikat yang telah dicadangkan oleh lembaga pengarah bagi memperolehi persetujuan pemegang saham dan pemiutang.

Keterangan lanjut skim pembentukan semula syarikat Gajah Muda Berhad:

...5/-

- (a) Semua aset akan dinilai semula mengikut nilai realis atau pasaran.
- (b) Nilai muka saham dikurangkan dari RM1 menjadi RM0.25. Kemudian setiap 4 saham dikonsolidasikan menjadi satu saham RM1 yang baru.
- (c) Pemiutang keutamaan akan diberi 200,000 saham RM1 baru sebagai gantian amaun yang dihutang kepada mereka.

**Dikehendaki:**

- (i) Sediakan kunci kira-kira baru jika skim pembentukan semula tersebut disempurnakan. [ 10 markah ]
- (ii) Jika kamu pemegang saham syarikat tersebut, adakah anda akan menyokong skim tersebut. Beri penjelasan mengenai perkara yang perlu dipertimbangkan. [ 5 markah ]
- (iii) Jika kamu pemiutang keutamaan syarikat tersebut, adakah anda akan menyokong skim tersebut. Beri penjelasan mengenai perkara yang perlu dipertimbangkan. [ 5 markah ]
- (iv) Bincangkan kebaikan dan keburukan skim tersebut. [ 5 markah ]

Soalan 3 (15 markah)

- (a) Laporan kewangan boleh dibahagikan mengikut dua asas iaitu persembahan adil (“fair presentation”) dan mematuhi perundangan (“legal compliance”). Terangkan perbezaan di antara kedua-duanya. Beri contoh untuk setiap satu asas tersebut. [ 8 markah ]
- (b) Piawai perakaunan kewangan yang diterbitkan di banyak negara berbeza dengan cara yang sebenar ia dipraktikkan. Nyatakan mengapa hal ini berlaku? [ 7 markah ]

...6/-

Soalan 4 (15 markah)

Industri insurans kini berkembang dengan pesatnya kerana orang awam telah mula menyedari kepentingan amalan berinsurans. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia telah menerbitkan piawaian perakaunan MASB 17 dan MASB 18 untuk tujuan perakaunan industri insurans.

**Dikehendaki:**

- (i) Bincangkan secara ringkas masalah-masalah perakaunan industri insurans.  
[ 3 markah ]
- (ii) Jelaskan dua cara utama untuk mengirakan rizab premium belum diperolehi (“unearned premium reserve”). Sokong jawapan anda dengan ilustrasi.  
[ 8 markah ]
- (iii) Jelaskan kehendak perakaunan untuk premium diperolehi mengikut MASB 17.  
[ 4 markah ]

Soalan 5 (15 markah)

Banyak bank dan institusi kewangan tempatan telah menerbitkan skim dana amanah saham untuk pelabur tempatan. Dengan ini, timbullah beberapa masalah perakaunan berkaitan dengan industri ini yang harus diberi perhatian.

**Dikehendaki:**

- Bincangkan isu mengenai perakaunan pelaburan dan pengukuran pendapatan dalam industri ini.  
[ 15 markah ]